



**KHUTBAH KHAS HARI WILAYAH
WILAYAH CERIA RAKYAT SEJAHTERA**
29 Januari 2016M/ 19 Rabiulakhir 1437H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَلَّمَ وَأَنْعَمَ، وَهَدَانَا بِالْقُرْآنِ لَلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ،

قَالَ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا آمِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الثَّمَرَاتِ مَنْ آمَنَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ

الْآخِرِ قَالَ وَمَنْ كَفَرَ فَأُمْتِعْهُ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرُّهُ إِلَىٰ عَذَابِ النَّارِ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٦﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، وَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ.

Para tetamu Allah yang dikasihi sekalian,

Tiada pesanan yang paling indah lagi bernilai di atas muka bumi ini melainkan pesanan taqwa. Lantaran itu, marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa. Iaitu dengan kita melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan semua tegahan-Nya. Sesungguhnya taqwa adalah sebaik-baik bekalan kita menghadap Allah SWT di akhirat.

Para hadirin yang dirahmati Allah SWT,

Tarikh 1 Februari 1974 telah mencatatkan peristiwa yang penting dalam pembentukan Kuala Lumpur sebagai ibu negara Malaysia dan Wilayah



Persekutuan yang pertama sebelum turut disertai oleh Labuan pada 16 April 1984 dan Putrajaya pada 1 Februari 2001. Rentetan itu, tarikh 1 Februari setiap tahun telah disambut sebagai Hari Wilayah. Sehubungan itu, khatib pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk **“Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera”**.

Muslimin yang dimuliakan,

Sejarah dunia telah memaparkan kecemerlangan umat Islam sekitar abad pertama hingga ketiga hijrah. Kehidupan bandar yang diasaskan oleh mereka pada era itu, telah berjaya mencorakkan tamadun Islam yang berpaksikan al-Quran dan al-Sunnah. Umat Islam berjaya melahirkan berbagai institusi berbentuk sosial, politik, ekonomi dan kebudayaan yang membentuk mereka menjadi masyarakat madani, seterusnya bersinar menjadi rujukan dunia, malah jauh mengatasi tamadun-tamadun lain yang mundur ke belakang.

Menilik realiti semasa bandaraya yang kita sayangi, kita sering disajikan dengan isu-isu kritikal yang menyesakkan benak kita selaku warga kota. Isu seperti kos sara hidup yang kian meningkat umpamanya, telah menyumbang kenaikan graf jenayah yang mendadak. Begitu juga isu perbezaan bangsa dan kelainan agama, telah mengundang perkelahian dan pergaduhan antara kaum sekali gus menjarakkan hubungan sesama warga kota. Jurang perbezaan taraf hidup antara orang kaya dengan fakir miskin juga telah mewujudkan hasad dalam diri masing-masing. Si miskin menyimpan dengki manakala si kaya pula hanya pentingkan diri. Selain itu, isu-isu keruntuhan akhlak dan moral, pergaulan bebas, hiburan melampau, seks songsang, maksiat, korupsi, penindasan, dan lain-lain turut menyumbang kepada kerosakan masyarakat dan ketempangan pembangunan bandaraya.

Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Beberapa persoalan perlu kita sama-sama renungkan. Apakah kita hanya memerhati, berkecuali tanpa bertindak apa-apa? Apakah erti kemodenan bandaraya yang sebenarnya? Apakah penyelesaiannya menurut Islam? Apakah sikap dan peranan yang perlu kita lakukan? Persoalan-persoalan ini



nyata menunjukkan bahawa kita tidak ada jalan lain untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut melainkan kembali kepada ajaran Islam.

Bandar Madinah al-Munawwarah merupakan manifestasi secara langsung daripada konsep tauhid dalam Islam dan mempengaruhi setiap tindak warganya. Ia tertegak atas prinsip akidah, pemikiran dan disiplin berasaskan syariat. Seorang tua yang berbasikal di kampung tetapi berakhlak dengan masyarakat, menghormati hak orang ramai, lebih bertamadun daripada tokoh yang bertali leher kemas tetapi mengambil rasuah. Pak cik yang berkain pelekat yang membuang sampah dalam tongnya, lebih maju daripada mereka yang memakai pakaian menawan tetapi mencampak rokoknya di merata tempat. Seorang miskin yang bertungkus lumus memelihara akidahnya dan menghindari syirik lebih moden daripada si kaya yang berkereta mewah namun bertangkal atau berulang alik ke rumah bomoh. Jika akidah warga goyah, tiada erti bangunan megah.

Wilayah Persekutuan terkenal sebagai pusat mencari rezeki dalam kalangan warganya. Pelbagai pekerjaan, perkhidmatan dan perniagaan rancak beroperasi sepanjang masa. Namun, setiap individu hendaklah melunaskan tanggungjawab masing-masing. Tidak kira sama ada majikan, pekerja, bekerja sendiri atau penjawat awam hendaklah memastikan pendapatannya itu halal dan berkat. Selain itu, setiap individu hendaklah memupuk nilai reda, bersangka baik dan bersikap positif dalam menghadapi cabaran kehidupan masa kini.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah;

Keamanan bandar terhasil daripada kerjasama yang padu antara semua pihak sama ada agensi kerajaan, NGO, mahu pun individu. Amalan saling tegur-menegur dan bekerjasama dalam kalangan masyarakat hendaklah dihidupkan semula dalam rangka membendung masalah gejala sosial di bandar. Firman Allah SWT menerusi potongan ayat 2, surah al-Maidah.



...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ

الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Bermaksud: “...Dan hendaklah kamu saling membantu untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu saling membantu untuk melakukan dosa dan permusuhan. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, kerana sesungguhnya azab Allah sangat berat.”

Pelbagai usaha telah dan sedang diusahakan bagi memastikan kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan terjamin. Contohnya, bagi menangani gejala sosial, Kementerian Wilayah Persekutuan telah melancarkan Program Operasi Banteras Aktiviti Haram (OPS BAH) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan NGO. Bagi membantu keperluan hidup warga Wilayah Persekutuan untuk memiliki rumah sendiri dengan harga mampu milik, Kementerian Wilayah Persekutuan sedang mewujudkan Rumah Mampu Milik (RUMAWIP). Bagi memastikan Wilayah ini bertambah ceria dan sejahtera, Program Task Force Kebersihan telah diwujudkan untuk menambahbaik kebersihan persekitaran dan kawasan kediaman. Justeru, komitmen daripada semua pihak terutamanya warga wilayah adalah diperlukan. Setiap warga bertanggungjawab dalam memastikan bandar ini terus dalam keadaan sejahtera.

Suatu yang sangat mulia namun sukar dilaksanakan adalah sikap suka berkhidmat secara sukarela. Islam bukan sahaja menganjurkan semangat sukarelawan, malah menggalakkannya menjadi budaya dalam kehidupan bermasyarakat. Contohilah semangat para sahabat R.HUM membina Masjid Nabawi dan memakmurkan bumi Madinah. Pengorbanan tenaga, masa dan harta dengan hanya mengharap balasan daripada Allah SWT semata-mata adalah faktor utama kejayaan mereka. Hayatilah firman Allah SWT dalam surah al-An'am, ayat 90:



أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ فَبِهِدَّتْهُمْ أَلْتَدَةُ قَدْ لآ أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِن هُوَ إِلَّا

ذِكْرِي لِلْعَالَمِينَ ﴿١٠﴾

Bermaksud: “Mereka (Nabi-nabi) itulah, orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah, maka turutilah olehmu (wahai Muhammad) akan petunjuk mereka. Katakanlah: Aku tidak meminta upah kepada kamu mengenai petunjuk (al-Quran yang aku sampaikan) itu. Al-Quran itu tidak lain hanyalah peringatan bagi sekalian alam.”

Demikianlah prinsip dan kaedah penyelesaian Islam dalam membangunkan warga bandarayanya menjadi ummat yang bertamadun lagi gemilang.

Saudara-saudaraku yang dikasihi sekalian;

Antara ruang terpenting bagi membangun dan mencorakkan bandaraya menurut Islam adalah dengan mengoptimumkan peranan dan institusi masjid. Institusi masjid adalah pusat ibadat dan kebudayaan Islam yang paling berpotensi. Ia mampu melahirkan tokoh yang berwibawa dalam semua bidang kehidupan masyarakat. Dengan kewibawaan Islam, kemakmuran masjid berupaya membina semula bandaraya dan membangunkan masyarakatnya menjadi maju, sejahtera, aman, dan berakhlak mulia.

Perkara pokok dalam urusan ibadah ialah solat. Berapa ramai dalam kalangan warga kota hari ini yang telinganya sensitif dan peka terhadap seruan azan? Berapa ramaikah dalam kalangan warga kota hari ini yang membuat tindakan proaktif untuk ke masjid bagi menunaikan solat fardu? Sesebuah masjid tidak dikategorikan sebagai makmur sekali pun pelbagai program telah dianjurkan, namun bilangan jemaah solat fardunya amat menyedihkan.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin merumuskan beberapa perkara untuk renungan kita bersama.



Pertama: Sejarah kemakmuran Makkah dan Madinah adalah model unggul dalam pembentukan bandaraya Islam yang sewajarnya dijadikan rujukan dalam pembentukan bandaraya-bandaraya Islam.

Kedua: Asas kecemerlangan warga kota adalah membudayakan ajaran Islam dalam kehidupan seharian, yang menuntut penglibatan semua pihak dalam pembangunan modal insan.

Ketiga: Warga kota hendaklah mendokong usaha-usaha yang telah dan sedang diusahakan bagi melahirkan Wilayah yang ceria dan rakyat yang sejahtera.

Firman Allah SWT dalam surah Saba', ayat 15:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا
لَهُ. بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ ﴿١٥﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba’, suatu tanda (yang membuktikan Pemurahnya Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka (iaitu); terdapatnya dua kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan sebelah kiri (mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya. (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلَ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.



خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَلِيِّ الصَّالِحِينَ، وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ، وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ،
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى إِمَامِ الْمُرْسَلِينَ، وَقُدُوةِ النَّاسِ أَجْمَعِينَ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ، وَحَافِظُوا عَلَى
الطَّاعَةِ وَحُضُورِ الْجُمُعَةِ مَعَ الْمُصَلِّينَ. وَعَلِمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُهُ
بِأَمْرِ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُقَرَّبِينَ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَأَمْرًا
بِالْمُؤْمِنِينَ :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥١﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا



مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ
وَعَلِيٍّ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ
وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضُ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكِرَامِ وَوَلَاةِ الْمُسْلِمِينَ
الْعِظَامِ الَّذِينَ قَضَوْا بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوا يَعْدِلُونَ، وَخُصُوصًا عَلَى سِرِي قُدُوكِ
بِكَيْنِدَا يَغِ دَقْرَتَوَانِ اَكُوغِ الْمُعْتَصِمِ بِاللَّهِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ الْحَكِيمِ
مُعَظَّمِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ بَدَلِي شَاهِ، وَعَلَى سِرِي قُدُوكِ بِكَيْنِدَا رَاجِ
فَرْمَايسُورِي اَكُوغِ تَوَانِكُو حَاجِهِ حَمِينِهِ.

اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤْتَفِقِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَا لِيْزِيَا وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً
أَمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَاحِيَةً، يَا رَوْوْفُ بِالْعِبَادِ.



اللَّهُمَّ انصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَيَّ
يَوْمَ الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, kami bersyukur di atas segala nikmat dan rahmat yang Engkau kurniakan, berilah hidayah dan petunjuk kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami, kukuhkanlah perpaduan antara kami, satukanlah hati-hati kami di atas jalan-Mu, permudahkanlah segala urusan kami, tambahkanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak yang mulia, pimpinlah kami ke jalan yang Engkau redhai, teguhkanlah iman kami dalam menempuhi segala mihnah dan ujian-Mu, kekalkanlah keamanan, keselamatan dan kesejahteraan negara kami Malaysia serta negeri kami khususnya Wilayah Persekutuan. Jauhkan kami dari sebarang pergolakkan, perpecahan dan huru-hara.

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ
الْوَهَّابُ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ
فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.